

**Hubungan Malaysia-China akan Terus Mekar, Kata Najib
Bernama
Mei 31, 2014
Oleh D. Arul Rajoo**

BEIJING, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yakin hubungan akrab Malaysia-China yang terjalin sejak 40 tahun lepas akan terus berkembang malah bertambah rapat di masa depan.

Bercakap pada ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara di sini Sabtu, beliau berkata hubungan baik adalah mudah di waktu senang; namun persahabatan sebenar terjalin semasa susah.

Memetik peristiwa bersejarah 40 tahun lepas, Najib berkata ayahanda beliau yang juga perdana menteri kedua Tun Abdul Razak Hussein memulakan apa yang disebut sebagai 'satu perjalanan muhibah, untuk menyemai permulaan kepada sikap saling memahami dan mempercayai.'

"Perjalanan itu membawa beliau ke sini, ke Beijing, dan ke dewan ini. Di sinilah beliau menandatangani perjanjian dengan Perdana Menteri Zhou Enlai, secara rasmi mewujudkan hubungan diplomatik antara negara kita. Di sinilah kita memulakan babak baharu dalam hubungan kita.

"...dan di sini hari ini saya merasakan bukan sahaja tanggungjawab kerajaan, tetapi tanggungjawab kepada ayahanda saya - untuk meneruskan legasi beliau dan memastikan hubungan Malaysia-China semakin dipereratkan," katanya.

Turut hadir pada majlis iatu ialah Perdana Menteri China Li Keqiang dan lebih 300 tetamu.

Mengulas lanjut tentang peristiwa yang membawa kepada pewujudan hubungan diplomatik bersejarah itu, Najib berkata semasa masih merupakan pelajar universiti pada 1974, beliau bertanyakan ayahandanya sebab beliau (Tun Abdul Razak) mengambil langkah yang begitu berani untuk mewujudkan hubungan diplomatik itu.

Jawapan yang diterimanya adalah kerana bapanya menganggap Perdana Menteri Zhou Enlai seorang tokoh yang boleh beliau percayai.

"Pada masa berlaku pergolakan dan ketidaktentuan, Malaysia dan China meletakkan asas kepercayaan bagi sebuah hubungan yang terus terjalin sehingga hari ini," kata perdana menteri.

Sehubungan itu, Najib berkata bukanlah menjadi kejutan apabila Malaysia menjadi negara pertama di Asia Tenggara yang mewujudkan hubungan dengan China, meskipun beberapa sekutu menasihati Tun Abdul Razak supaya tidak meneruskannya.

Najib berkata sejak lebih empat dekad lepas, hubungan kedua-dua negara terus berkembang dan semakin rapat, dan beliau turut menarik perhatian bahawa ekonomi kedua terbesar dunia itu adalah rakan dagang terbesar Malaysia manakala Malaysia pula adalah rakan dagang terbesar China dalam Asean.

Kedua-dua negara membentuk Perkongsian Strategik Komprehensif bagi kemakmuran dan pertumbuhan, dan pada tahun lepas memeterai Program Pembangunan Lima Tahun bagi Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan.

"Sambil ekonomi kita berkembang, begitu jugalah pertalian antara rakyat kita. Beribu-ribu orang pelajar kami, termasuk anak lelaki saya, melakukan perjalanan ke sini untuk belajar dalam sebuah budaya yang berbeza," katanya.

Najib berkata ketibaan dua ekor beruang panda dari China ke Malaysia baru-baru ini, yang begitu pantas menambat hati rakyat tempatan, mungkin boleh diterjemahkan sebagai lambang keakraban persahabatan antara kedua-dua negara.

Namun begitu di sebalik keadaan yang menyenangkan itu, cabaran tetap ada seperti jua dalam mana-mana persahabatan, dan ada ketikanya begitu menguji, kata beliau, yang memberi contoh penerbangan Malaysia Airlines MH370 yang hilang pada 8 Mac lepas bersama 50 penumpang dan anak kapal warga Malaysia serta 154 penumpang rakyat China.

"Malaysia teramat dukacita dengan kehilangan tragik penerbangan MH370. Berdepan sebuah misteri yang belum pernah berlaku, kami berbesar hati dengan sokongan kerajaan China, yang berusaha bersungguh-sungguh dalam misi pencarian itu. Kami tidak akan berhenti sehinggalah pesawat itu ditemukan," kata Najib.

Perdana Menteri berkata pernyataan bersama yang ditandatangani dengan rakan sejawatan dari China akan memperluas dan merapatkan lagi kerjasama dalam semua bidang yang membawa manfaat dua hala iaitu ekonomi, pelancongan, perkhidmatan kewangan dan kebudayaan.

Kedua-dua negara turut bersetuju mengadakan lebih banyak pertukaran pelajar, bekerjasama rapat dalam bantuan bencana dan memelihara kestabilan serta keselamatan di rantau ini.

Najib menegaskan dalam tahun-tahun mendatang, Malaysia dan China akan terus kekal sebagai rakan bagi kemakmuran, dihubungkan oleh sejarah dan tegas dalam komitmen ke arah keamanan.

"Hubungan yang mengikat kita ini akan membawa kestabilan di wilayah kita dan peluang kepada rakyat kita.

"Seperti yang dinyatakan dalam peribahasa China, 'Jika rakyat bersatu hati, tanah yang

kuning sekalipun boleh menjadi emas'," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1042816>